



# Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PNS)

Cawangan Negeri Selangor

Alamat : d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,

Tingkat 19, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam

Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

Ruj. Kami : PNS (B.Keahlian).100-8/1 ( 2 )

Tarikh : 10 Jun 2022

## SENARAI EDARAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Datin / Puan / Cik,

## JEMPUTAN KE PAMERAN “BACK TO NATURE” ANJURAN PERSATUAN SENI JAHITAN KREATIF MALAYSIA

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Puspanita Negeri Selangor di bawah Biro Keahlian & Tugas-Tugas Khas akan membuat lawatan ke **Pameran “Back to Nature”** anjuran Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM) pada ketetapan berikut:

Tarikh	:	<b>22 Jun 2022 (Rabu)</b>
Masa	:	<b>9.00 pagi – 2.00 petang</b>
Tempat	:	<b>Pavilion Bukit Jalil,</b> Pusat Bandar, 2, Persiaran Jalil Utama, Bukit Jalil, 57000, Kuala Lumpur
Jumlah peserta	:	<b>35 orang</b>
Kenderaan Bas	:	<b>Disediakan</b> (di hadapan Annex)
Sarapan (Bungkus)	:	<b>Disediakan</b>

3. Objektif lawatan adalah:

- Mengeratkan hubungan silaturrahim di antara ahli Puspanita Negeri Selangor;
- Melihat Pameran “Back to Nature” yang menggunakan Teknik Natural Dye dan Eco Printing;
- Teknik *Natural Dye* dan *Eco Printing* ialah teknik untuk mengolah dan mencorakkan fabrik dengan menggunakan bahan semulajadi daripada tumbuhan seperti daun, bunga, batang dan akar. Setiap hasil produk adalah sangat unik dan istimewa kerana cuma satu-satu didunia, *handmade* dan mesra alam; dan
- Menambah ilmu pengetahuan tentang kaedah pembuatan fabrik menggunakan tumbuh-tumbuhan, membuka minda masyarakat tentang produk mesra alam (eco-friendly), mengurangkan sisa fabrik, mendidik masyarakat untuk menghargai alam sekitar, mengurangkan pencemaran air dan tanah, mengurangkan penggunaan pewarna sintetik dalam penghasilan fabrik.

4. Sehubungan itu, PUSPANITA Negeri Selangor berbesar hati ingin menjemput **semua ahli jawatankuasa PNS (AJK Induk dan AJK Kecil) dan ahli – ahli PNS** untuk menyertai program ini. Semua peserta yang menghadiri lawatan diberi peluang **DIY TOTE BAG DENGAN HARGA RM40.00 (RM20.00 AKAN DITANGGUNG OLEH PUSPANITA)**. Baki RM20 dibayar semasa menaiki bas.

5. Bersama-sama ini disertakan borang pengesahan kehadiran dan atur cara program (Lampiran A) untuk rujukan dan perhatian selanjutnya. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Puan Maimunah binti Abd. Sukor di talian 019-3548768.

Segala perhatian dan jasa baik YBhg. Datin / Puan / Cik amat dihargai dan di dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*'Wanita Sepakat Negara Meningkatkan'*

Saya yang menjalankan tugas,



**(MAIMUNAH BINTI ABD SUKOR)**

Pengerusi Biro Keahlian Dan Tugas-Tugas Khas  
PUSPANITA Negeri Selangor

s.k : YBhg. Datin Hajah Padiah Binti Safian  
Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

## LAMPIRAN A



### PAMERAN "BACK TO NATURE" ANJURAN PERSATUAN SENI JAHITAN KREATIF MALAYSIA

**Tarikh** : 22 Mei 2022 (Rabu)  
**Masa** : 09.00 a.m – 02.00 pm

MASA	PERKARA / AKTIVITI
08.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendaftaran</li><li>• Doa perjalanan</li><li>• Bertolak ke Pavilion Bukit Jalil</li></ul>
10.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiba di Pavilion Bukit Jalil</li><li>• Ucapan alu-aluan Pengerusi Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM)</li><li>• Ucapan balas Pengerusi Puspanita Negeri Selangor (YBhg. Datin Hajah Padiah Binti Safian)</li><li>• Demo bagi penghasilan fabrik eco print</li><li>• Aktiviti <i>workshop</i></li><li>• Sesi penyerahan cenderahati</li></ul>
1.00 petang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bertolak ke SUK Selangor</li><li>• Tiba di SUK</li></ul>